



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) KAEDAH "BAYAR DAN TUNTUT"

Pengenalan

Bermula 15 November 2019, kemasukan ke hospital-hospital berikut adalah berdasarkan kaedah "Bayar dan Tuntut" kecuali bagi kes-kes yang melibatkan kemalangan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan "Bayar dan Tuntut"?

"Bayar dan Tuntut" adalah dasar di mana para peserta Takaful IKHLAS perlu membayar bil hospital terlebih dahulu dan kemudian membuat tuntutan pembayaran bil tersebut kepada Takaful Ikhlas Family Berhad jika mereka dimasukkan ke hospital yang tersenarai.

Walaubagaimanapun, dasar "Bayar dan Tuntut" ini tidak melibatkan peserta yang dimasukkan ke hospital akibat kemalangan. Mereka boleh menggunakan kad perubatan untuk melunaskan bil hospital.

2. Senarai hospital yang terlibat dengan dasar "Bayar dan Tuntut" ini:

- KPJ Ampang Puteri Specialist Hospital
- KPJ Pasir Gudang Specialist Hospital
- KPJ Tawakal Specialist Hospital
- KPJ Seremban Specialist Hospital
- Kuantan Medical Centre

3. Siapa yang terbabit dengan dasar "Bayar dan Tuntut" ini?

Dasar "Bayar dan Tuntut" ini melibatkan semua peserta rider perubatan individu [r1] Takaful IKHLAS.

4. Bilakah notis ini berkuatkuasa dan berapa lamakah ia akan dilaksanakan?

Notis ini berkuatkuasa dari 15 November 2019 sehingga makluman selanjutnya. Sila rujuk laman sesawang kami www.takaful-ikhlas.com.my dari masa ke semasa.

Anda juga boleh menghubungi ejen Takaful IKHLAS anda atau hubungi Pentadbir Pihak Ketiga kami, MediExpress Sdn Bhd di talian 03-7884 1818 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

5. Bagaimana saya boleh membuat tuntutan dan apakah dokumentasi yang diperlukan?

Anda boleh membuat tuntutan dan pembayaran balik tuntutan anda dengan mengikuti proses tuntutan Takaful IKHLAS seperti yang dinyatakan dalam laman web kami www.takaful-ikhlas.com.my

Anda juga boleh menghubungi ejen Takaful IKHLAS anda atau hubungi Pentadbir Pihak Ketiga kami, MediExpress Sdn Bhd di talian 03-7884 1818 untuk mendapatkan maklumat lanjut.

6. Berapa lamakah masa proses tuntutan?

Proses tuntutan biasa akan mengambil masa tidak lebih daripada 14 hari bekerja dari tarikh dokumentasi lengkap diterima.

7. Bagaimana saya boleh menyemak status tuntutan saya?

Untuk menyemak status dan sebarang pertanyaan berkaitan tuntutan, anda boleh menghubungi Pentadbir Pihak Ketiga kami, MediExpress Sdn Bhd di talian 03-7884 1818.